

Gerai makan bawa masalah

Aduan berulang kali kepada DBKL didakwa tidak beri kesan



MASALAH...gerai makanan laut didakwa tidak disenangi penduduk sekitar.

diduduki di sini, antaranya kerusi dan meja diletakkan di bahu jalan hingga menyukarkan kenderaan penduduk keluar masuk dari Taman Pantai Indah Fasa 1 dan Fasa 2. Malah dibina bersebelahan rumah sampah dan menjadikannya bertambah kotor.

Selain itu, peniaga turut membuang sisa makanan ke dalam longkang menyebabkan bau busuk, kotor, longkang tersumbat dan air melimpah ke jalan.

Untuk makluman, sejak 2004 hingga kini, sudah ba-

nyak aduan dibuat kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menghentikan operasi gerai berkenaan, tapi masih tiada tindakan diambil untuk mengatasinya seolah-olah peniaga terbabit 'kebal'.

Malah, kami juga sudah membuat aduan secara online kepada Pengaduan Awam Kuala Lumpur (PAKL), namun tetap tiada tindakan diambil.

ZAIDOL ADZHA OSMAN, Pengerusi Perbadanan Pengurusan Taman Pantai In-

dah Fasa 2

>MERUJUK permasalahan gerai makanan laut bersebelahan rumah sampah di Jalan 1/112F Taman Pantai Indah, Pantai Dalam, difahamkan pemilik gerai itu memasang skrin TV besar terutama siaran langsung bola sepak dan ini mungkin menimbulkan kacau ganggu dan pemeriksaan susulan serta pemantauan seterusnya akan dilakukan.

Siasatan susulan mendapati tiada kacau ganggu bunyi

bising daripada peniaga, tetapi terdapat tayangan televisyen daripada restoran lain di Jalan 2/11F, Taman Pantai Indah.

Pegawai penguat kuasa DBKL akan membuat pemeriksaan pada waktu malam untuk memantau aduan berkenaan.

Siasatan DBKL juga mendapati gerai terbabit dibina atas siar kaki dan longkang tepi jalan di Jalan 1/112F, Taman Pantai Indah.

Kerosakan permukaan jalan disebabkan air kotoran yang

mengalir dari lori sampah dan juga kotoran dibuang pihak tidak bertanggungjawab.

Bagi mengatasi masalah kerosakan permukaan jalan, jalan keluar masuk ke rumah sampah akan ditukar kepada permukaan konkrit.

Manakala paip air keluar akan dibina selepas gerai yang dibina di atas siar kaki dan longkang dipindahkan.

ANWAR MOHD ZAIN, Ketua Perhubungan Awam dan Unit Antarabangsa DBKL

SERBAGAI peniaga di sekitar Jalan 1/112F, Taman Pantai Indah, Pantai Dalam, mengeluh tidak berpuas hati dengan wujudnya gerai makanan laut bersebelahan rumah sampah di situ. Gerai itu mendatangkan pelbagai masalah kepada pen-